

Pembetulan sesuai tangani banjir dihadapi pekebun sayur

GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

SAYA bagi pihak 26 pekebun sayur yang menyertai projek tanaman kekal pengeluaran makanan Kampung Pahang, Kuantan berharap pihak berwajib membina sistem perparitan yang lebih sempurna bagi mengelak banjir.

Sebagai contoh, baru-baru ini disebabkan limpahan air hujan, pekebun mengalami kerugian lebih RM200,000 selepas tanaman seperti cili besar, kacang panjang, terung dan petola musnah.

Setiap kali musim tengkujuh kawasan kebun ditengetahi air menyebabkan pokok mati dan pekebun mengalami kerugian besar.

**MOHD RAFI
MAT RASHID**
Kuantan.

SISTEM perparitan yang dicadangkan dibina dalam kawasan kebun sebagai laluan air bertakung jika hujan lebat, tidak menjamin masalah itu dapat diselesaikan bagi tempoh jangka panjang.

Tindakan terbaik yang perlu dilakukan ialah dengan membina sistem pembetulan bawah tanah di jalan utama iaitu Jalan Sungai Soi-Kuantan bagi



mengalirkan limpahan air ke Sungai Air Hitam.

Saya juga akan mendapatkan maklum balas beberapa agensi berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam menangani masalah itu seterusnya membantu pekebun supaya tidak terus menanggung kerugian setiap kali tiba musim tengkujuh.



Tindakan terbaik yang perlu dilakukan ialah dengan membina sistem pembetulan bawah tanah di jalan utama iaitu Jalan Sungai Soi-Kuantan bagi mengalirkan limpahan air ke Sungai Air Hitam 

Pekebun juga dinasihatkan supaya merancang pusingan tanaman sayur masing-masing bagi mengelak daripada mengalami kerugian selain mendapatkan khidmat nasihat Jabatan Pertanian daerah.

**DATUK SHAFIK
FAUZAN SHARIF**

Ahli Dewan Undangan
Negeri (ADUN) Inderapura